

# Dr. Mahathir pemimpin berani, lantang dalam tindakan — Bernice

UM - 2 AUG 2005

KUALA LUMPUR 1 Ogos — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan sebagai seorang pemimpin yang berani dan lantang dalam sebarang tindakan yang dirasakan boleh membawa kejayaan kepada Malaysia dan dunia amnya.

Penulis bebas, Bernice Narayanan berkata, mengenali Dr. Mahathir semasa usaha menyiapkan buku mengenainya merupakan satu pengalaman yang sungguh berharga kerana dari situlah beliau mengetahui hati budi dan visi seorang Perdana Menteri pada waktu itu.

Katanya, hasil penyelidikannya, mendapati Dr. Mahathir mempunyai satu tindakan yang terancang dan bijak membaca keperluan bangsa Malaysia pada masa akan datang.

"Beliau sentiasa merebut segala peluang yang ada, tidak takut untuk mencabar sebarang kemungkinan, bersuara lantang terutama dalam isu kontroversi dan berani untuk menceburi sebarang bidang yang masih belum di-

ketahui kejayaannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kertas kerja bertajuk *Kepimpinan Yang Berkesan* pada Persidangan Antarabangsa Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), di sini hari ini.

Persidangan tiga hari itu yang bertemakan Tun Dr. Mahathir: Mengurus Tadbir Urus dan Pembangunan di Abad ke-21 membincangkan pemikiran dan kejayaan Mahathir semasa zaman pentadbirannya.

Menurut Bernice, kepimpinan Dr. Mahathir yang begitu cemerlang dapat diukur semasa kegawatan ekonomi Asia pada tahun 1997, di mana Dr. Mahathir bersendirian dalam menangani kemelut itu.

Beliau terpaksa merangka dan merancang struktur kewangan negara supaya tidak mengikut telunjuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Dr. Mahathir juga merupakan usahawan terulung negara di mana setiap lawatan ke luar negara akan disusuli oleh delegasi

harian dan pelbagai lagi," jelasnya.

Tambah Bernice, pelabur antarabangsa diberi pelbagai insentif untuk melabur dalam syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham serta menggalakkan pembangunan dan perkongsian bijak antara syarikat kecil.

Selama 22 tahun pentadbirannya, Dr. Mahathir meninggalkan negara di mana pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah salah satu yang tertinggi di rantau Asia Tenggara.

Malaysia, katanya, berada dalam tahap pengangguran dan kemiskinan yang rendah, kualiti kehidupan meningkat, kadar buta huruf dan kematian bayi setaraf dengan negara-negara membangun.

Bapa pemodenan ini turut lantang dalam arena antarabangsa terutama dalam membincangkan isu-isu yang kontroversi.

Malah kelantangan beliau, telah menyebabkan Malaysia dikenali di dunia dan seterusnya petanda baik dalam peningkatan ekonomi negara.

para peniaga sehingga ideanya telah menjadi ikutan oleh banyak pemimpin di dunia ini dalam menarik pelabur dan menjual barangan tempatan.

"Bekas Perdana Menteri ini juga telah melaksanakan pentadbiran yang berkesan melalui visi, matlamat dan ideanya serta kejayaannya boleh dilihat dalam sektor jalan raya, industri, bidang angkasa, pemikiran, kehidupan se-